

CNS4639

U GB 04-05 00143 BA104

bah

Mahathir - Penaauna'

MASALAH PENGGUNA DAPAT DIHAPUSKAN JIKA....

KUALA LUMPUR. 4 Mei (Bernama) -- Masalah pengguna akan dapat dikurangkan malah dihapuskan jika orang ramai sentiasa sedar akan peranan mereka sebagai penaguna dan pembekal, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengguna dan pembekal adalah orang yang sama tetapi hakikat ini sering dilupai, kata Perdana Menteri ketika melancarkan Hari Pengguna Sedunia 1993 nerinpkat kebangsaan di Pusat Islam di sini hari ini.

"Penaguna yang menggunakan segala keperluan hidup adalah juga orang yang semasa bekerja menjadi pembekal, samaada pembekal barangan atau khidmat," katanva.

Kerap kabi semasa menjadi pembekal, individu yang sama itu lupa dan tidak begitu mengutamakan unsur-unsur kualiti dan lain-lain yang dituntut olehnya semasa meniadai pengguna.

Katannya, masalah pengguna sebenarnya berasaskan kepada adanya dua personaliti itu bagi setiap orang. -- Laai.

♥04/05/11-42MST

CNS4643 .

U GB 04-05 00161 BA105

bah

Mahathir - Penaauna 2 Kuala Lumpur

"Jika kitanya sedar akan hak dan kepentingan pengguna semasa kita meniadai penaauna. tetapi kitalupa akan pengguna apabila kita menjadi pembekal, maka amatlah sukar bagi pengguna mendapati kepentingan mereka diutamakan. " katanva.

Lanakah melindunai penaguna adalah pentingsupaya mereka mendapat pulangan yang setimpal dengan wang yang diterima, katanya.

Dr Mahathir berkata tidaklah berfaedah sekiranya negara terus maju sedangkan rakyat tidak mampu menikmati hasil daripada kemajuan itu.

Katannya, kerajaan dan swasta boleh bersama-sama memelihara kepentingan pengguna menerusi pengawalan kos dan kualiti yang boleh didapati daripada keberkesanan pengeluaran dan penganakutan barangan, pengawalan harga, keselamatan, standard dan pemeliharaan alam sekitar.

Penaeluar, pendedar dan peruncit hendaklah sedar bahawa kawalan oleh kerajaan baik bukan sahaja bagi pengguna tetapi juga pembekal, katanya.

"Adalah lebih selamat mendapat keuntungan yang sederhana tetapi berkekalan daripada mendapat keuntungan besar tetapi buat jangka masa Yang pendek sahaja," kata Perdana Menteri. -- Laai.

▼04/05/11-49MST

CNS4764

U GB 04-05' .00129BA118

bah

Mahathir - Pengguna 3 Kuala Lumpur

“ Dr Mahathir mencadangkan kepada pihak swasta supaya mengadakan kaedah penyelesaian aduan dalaman untuk menyelesaikan aduan pengguna dengan mudah dan cepat.

Syarikat-syarikat besar boleh mengadakan unit tertentu untuk tujuan itu manakala tuan punya syarikat kecil boleh mengendalikan sendiri kaedah itu, katanya.

Langkah itu akan membentuk sektor swasta yang lebih prihatin sebagai warga korporat yang baik, katanya.

Beliau berkata penglibatan bersama swasta dengan kerajaan dalam memperjuangkan hak pengguna akan mewujudkan suasana “Persyarikatan Malaysia” yang matang dan penuh bertanggungjawab.

Kepada pengguna pula, beliau menasihati mereka supaya tidak menekan untuk mendapatkan hak mereka secara keterlaluan.

“Memang benar ada pihak swasta yang tidak bertanggungjawab dan tamak. Tetapi tidak semuanya,” kata beliau. -- Lagi.

▼04/05/14-55MST

CNS4767

U GB 04-05 00146 BA119

bah

Mahathir - Pengguna 4 Xuala Lumpur

Para pengguna harus sanggup membayar harga yang lebih jika mereka mahukan kualiti sesuatu barang atau lthidmat ditingkatkan, katanya.

Beliau berkata persatuan-persatuan pengguna hendaklah membuat desakan terhadap sesuatu hanya setelah kajian memhuktikan berlaku pengambilan untung secara berlebihan.

"Dalam keadaan ini, kerajaan bersedia untuk menentukan dan bekerjasama dengan persatuan pengguna...jikapihak pembekal degil, maka tindakan yang keras seperti memboikot boleh diambil," katanya,.

Katanya, kredibiliti persatuan pengguna akan merosot jika ia mudah mengambil tindakan ekstrim kerana ini boleh menjejaskan ekonomi negara dan akhirnya merugikan pengguna.

Beliau juga mengingatkan pengguna mengenai inflasi yang, menurutnya, boleh juga berlaku ketika kemakmuran apabila pengguna yang mewah tidak begitu menyoal harga barangan.

Daripada membeli barangan mewah yang tidak diperlukan, Dr Mahathir berkata, lebih baik orang ramai melabur umpamanya dalam Bon Malaysia. --
Lagi.

♥04/05/14-57MST

CNS4769

U GB 04-05 00091 BA120

bah

Mahathir - Pengguna 5 (Akhir)Kuala Lumpur

Dr Mahathir kemudian menyampaikan Anugerah Tokoh Pengguna 1992 kepada Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) Encik Hamdan Adnan.

Beliau jugamenyampaikan anugerah berupa trofi serta hadiah wang dan sijil kepada Sekolah Menengah Zainab, Kota Baharu, Kelantan yang dipilih sebagai Kelab Pengguna Sekolah Terbaik 1992.

Sekolah Menengah Sultan Abu Bakar di Kuantan, Pahang muncul tempat kedua dan Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah di tempat ketiga. --
Bernama

AZZ AHH NM.